



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 11

RABU, 5 JUN 1963 1383 رابو 13 محرم

PERCHUMA

D.Y.M.M. SERU RA'AYAT BEKERJA SAMA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan sa-kali lagi telah menyampaikan titah baginda melalui Radio Brunei.

Terdahulu dari itu baginda telah juga bertitah melalui radio ia-itu beberapa hari sa-belum memimpin agong tentera penderhaka Jassin Affendi tertangkap.

Dalam titah baginda yang pertama baginda telah menyeru kepada seluruh lapisan ra'ayat supaya membantu menghapuskan sama sa-kali saki baki penderhaka dan menerangkan kedudukan Brunei berhubung dengan penderhakaan.

Ada-lah menjadi kewajipan tiap2 orang titah baginda kechil dan besar dalam negeri ini, untuk memulehkan negeri yang terchin-ta ini saperti sedia kala.

Baginda juga menyebut dan nuji2 kecekapan pehak polis dan tentera atas kecekapan mereka menangkap hampir2 semua penderhaka dan akhir-nya berjaya menghanchorkan penderhakaan di-negeri ini.

Hampir2 semua isi titah baginda itu telah di-tumpukan untuk menyeru ra'ayat lelaki dan perempuan membantu dan berkerjasama dengan pasokan keselamatan.

Baginda telah menitekberatkan dan mementingkan usaha2 untuk menghapuskan derita yang di-terbitkan oleh gangguan2 perentah berkurong; dan betapa banyak wang telah di-gunakan untuk perbelanjaan dharurat.

Wang itu, titah baginda, sapatut-nya di-gunakan untuk pembangunan negara dan bagi faedah2 ra'ayat jelata.

Dalam titah baginda yang kedua baginda berkata: Ra'ayat beta yang di-kasehi.

Beta baharu sahaja beruchap kepada tuan2 sekalian dan sakali lagi beta dengan sukachita-nya menjalankan tugas yang aneh lagi indah.

Tetekala beta beruchap dahulu beta telah menegaskan kepada tuan2 tentang bahaya dan penderetan yang telah di-bebankan

ka-atas kita semua akibat ada-nya sa-bilangan kechil ketua2 penderhaka dan kumpolan2 yang bersubhat dengan mereka. Tetapi Alhamdulillah betapa besar-nya perubahan keadaan itu pada hari ini.

Dalam satu tindakan belum lama dahulu. Pasokan2 Kesela-

matan telah menewaskan sekalian mereka ini, dan dengan yang demikian, menghapuskan anasir yang sangat merbahaya dan penoh anchaman.

Kejayaan ini tidak mungkin dapat di-chapai oleh Pasokan2 Keselamatan jika tidak dengan ada-nya bantuan daripada penduduk2 Brunei. Mereka telah menerima bantuan tersebut dan telah bertindak melaksanakan-nya sa-hingga berhasil kejayaan yang tegas sabagaimana kita ketahwi sekarang.

Wahai ra'ayat beta sekalian.

(Lihat Muka 5)

T. M. B. BERI UCHAPAN



Sa-belum orang2 tahanan yang di-pindahkan ka-Pusat Pemulehan di-Bunut itu di-bebaskan mereka terlebih dahulu mengangkat sumpah berikrar untuk ta'at setia kepada D.Y.M.M. Baginda Maulana Al-Sultan dan Negeri Brunei. Dalam masa mengikuti sharahan2 yang di-berikan oleh beberapa orang juga di-beri latehan pergerakan badan dan sokan.

Pada minggu lalu Timbalan Menteri Besar Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud telah melawat ka-Pusat Pemulehan itu dan telah memberi sharahan di-sana.

Antara lain Dato Setia berkata bahawa mereka yang ada di-sana itu bukan-lah semua-nya dari orang2 yang berdosa dalam soal penderhakaan. Pengiran Haji Ali mengatakan mereka telah tertipu dan terkeliru oleh beberapa orang yang berniat jahat.

Gambar di-atas kelihatan Pengiran Dato Setia Pengiran Haji Ali sedang beruchap.

HADHIRI PERAYAAN

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato Setia Marsal bin Maun dan Yang Berhormat Timbalan Setiausaha Kerajaan Dato Setia Pengiran Haji Mohammad Yusuf telah berlepas dengan kapal terbang ka-Singapura pada 1 Jun lepas.

Mereka ada-lah mewakili Kerajaan dalam perayaan Hari Kebangsaan Singapura yang di-langsungkan pada 3 Jun lalu.

Antara ramai yang memberi selamat belayar kepada kedua pegawai tinggi kerajaan itu di-Lapangan Terbang Brunei di-Berakas ialah Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Raja Azam bin Raja Kamarulzaman.

Perangku Baharu

BANDAR BRUNEI.—Penjualan khas bagi perangku (stamp) 12-sen untuk mengingati Kebebasan Dunia dari Kempen Kebuloran telah pun di-mulakan kemarin 4 Jun 1963, di-pejabat2 Pos di-Brunei.

Penjualan ini akan terus dijalankan sa-lama tiga bulan atau sa-hingga perangku2 khas itu habis di-jual.

M. B. GESA BAKAL2 ASKAR KENALI TANGGONG JAWAB

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei Dato Setia Marsal bin Maun telah menggesa bakal2 askar Melayu Brunei supaya ta'at-setia kepada negeri, bangsa dan ugama mereka.

Dalam ucapan-nya memberi selamat belayar ka-Perskutuan Tanah Melayu kepada 21 bakal2 askar itu beliau berkata kewajipan dan tanggung jawab sa-sa-orang askar ada-lah berat dan mulia.

Sa-saorang askar, kata beliau, ada-lah tulang belakang kepada negeri-nya dan tanpa ketenteraan sa-sabua negara tidak boleh di-

jamin.

Bakal2 askar itu akan menjalani latehan di-Pusat Latehan Tentera, Port Dickson sa-hingga perumahan untuk mereka yang sedang di-dirikan tidak jauh dari sini nanti siap di-bena.

HARI LAHIR BAGINDA QUEEN

Untuk merayakan hari keputeraan Baginda Queen pada 8 Jun 1963, Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di-Brunei akan berada di-rumah hari itu di-antara jam 11.00 pagi dan 12.30 tengahari.

SOKAN SELUROH NEGERI BAGI SEKOLAH2

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat-Setia Usaha Kerajaan, Raja Azam bin Raja Haji Kamarulzaman akan merasmikan pembukaan peraduan sokan sekolah2 Melayu sa-negeri Brunei yang akan di-langsungkan pada 8 Jun ini di-Padang Besar di-sini.

Ini ada-lah peraduan yang terakhir bagi memilih kejohanan sokan sekolah2 Melayu seluruh negeri yang terdiri dari sekolah2 Melayu yang telah berjaya memasoki peraduan yang terakhir itu.

Pemilihan bagi memasoki per-

sa-banyak 88 mata.

- ◆ Sekolah Melayu Delima 1 mendapat 64 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Gadong mendapat 60 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Sungai Hanching 19 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Lambak, batu 6 Jalan Pasir mendapat 19 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Polai men-

Jalan Muara mendapat 119 mata, ◆ Kumpulan Sekolah2 Melayu Ulu Sungai Brunei mendapat 93 mata; dan

◆ Kumpulan Sekolah2 Melayu Kuala Sungai Brunei mendapat 47 mata.

Dalam pemilihan Sekolah2 Melayu Brunei II ini yang mengambil bahagian adalah terdiri dari Sekolah2 Melayu Luar Bandar dan di-bahagikan kepada beberapa kumpulan.

SEKOLAH2

MELAYU BRUNEI

Dalam pemilihan sekolah2 Melayu Brunei I atau sekolah2 Melayu dalam bandar, maka hanya dua buah sekolah sahaja yang mengambil bahagian dan Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam telah di-bagikan kepada beberapa buah rumah pasokan kechuali Sekolah Melayu Laila Menchanai.

Keputusan dalam pemilihan itu ada-lah seperti berikut :

- ◆ Rumah Bendahara Sakam mendapat 67 mata,
- ◆ Rumah Nakhoda Manis mendapat 65 mata,
- ◆ Rumah Semaun mendapat 44 mata,
- ◆ Sekolah Melayu Laila Menchanai mendapat 50 mata; dan
- ◆ Rumah Bolkihah mendapat 38 mata.

LUMBA JALAN KAKI

SERIA.— Kelab Belia Seria akan menganjorkan "Lumba Berjalan" sa-jauh 10 batu dari Kuala Belait ka-Seria pada 30 Jun ini.

Perlumbaan yang terbuka kepada lelaki dan perempuan yang berumur antara 14 hingga 30 tahun juga akan di-buka kepada peserta yang berpasokan.

Tempat berlepas bagi peserta lelaki ia-lah di-Padang KBRC (Kuala Belait) dan bagi peserta perempuan di-Padang Field Force. Tempat penghabisan bagi kedua2 pehak itu ia-lah di-Gelanggang Olahraga Seria.

Hadiah khas kepada pemenang lelaki tempatan ada-lah disediakan.

Bayaran masuk menyertai lumba tersebut ia-lah \$1.00 bagi tiap2 peserta dan \$2.00 bagi tiap2 pasokan. Satu pasokan hendak-lah mengandungi tiga orang peserta.

Borang hendak memasoki perlumbaan itu boleh-lah di-dapati dari Pengelola Lumba Berjalan dialamat Peti Surat 161, Seria.

Ada-lah di-fahamkan bahawa permukiman akan di-tutup pada 24 Jun akan datang ini.

SELAMAT TUNAI HAJI

BANDAR BRUNEI.— Semua orang2 Haji dari Brunei yang baharu saja selesai menunaikan fardhu Haji, kemarin telah selamat sampai kembali ka-tanah ayer dengan kapal laut.


Mereka telah bertolak dari Singapura pada 31 Mei lepas dengan kapal Kimanis dan dari Labuan mereka memakai dua buah kapal2 Kerajaan.

Orang2 Haji sa-ramai 61 orang itu telah berlepas ka-Mekah dari Singapura dengan kapal2 Haji

pertama, kedua dan ketiga tetapi memakai kapal yang pertama dalam perjalanan pulang ka-tanah ayer.

Sa-orang dari Haji2 Brunei telah malang dan meninggal dunia di-Mekah. Allah Yarham itu ia-lah Haji Bidin bin Metali, 62 tahun, dari Kampong Rimba, Gadong.

Dari bilangan orang2 Haji itu sa-ramai 21 orang ia-lah perempuan.



Murid2 sekolah2 di-sepanjang Jalan Muara telah mengadakan pertandingan sokan di-padang Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara. Gambar di-atas ia-lah sa-bahagian dari acara2 perlawanan yang di-pertandingkan untuk memilih wakil2 ka-peraduan bagi seluruh Daerah Brunei/Muara.

aduan yang terakhir ini telah di-langsungkan sejak 1 Mei hingga 19 Mei yang lalu.

Dalam masa pemilihan tersebut lebih dari 50 buah sekolah2 Melayu di-negeri ini telah mengadakan pemilihan di-daerah masing2 untuk menghantar wakil sekolah2 itu ka-peraduan peringkat negeri.

Sa-belum di-jalankan upacara peraduan akhir itu nanti, ucapan2 antara lain akan disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Negara, Inche MacInnes dan Yang Di-pertua Persekutuan Sokan, Brunei Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Md. Yusuf.

Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Maun di-jangka akan menyampaikan hadiah2 kepada sekolah2 yang berjaya merebut gelaran johan dan naib johan sa-Negeri Brunei bagi tahun 1963.

Sementara itu keputusan pemilihan bagi sekolah2 Melayu Jalan Muara dan Sekolah2 Melayu Brunei I dan II ada-lah seperti berikut:

SEKOLAH2 MELAYU

JALAN MUARA

- ◆ Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara mendapat

dapat 13 mata,

- ◆ Sekolah Melayu Mentiri mendapat 6 mata; dan
- ◆ Sekolah Melayu Burong Pinggai Berakas mendapat 2 mata.

SEKOLAH2 MELAYU

BRUNEI II

- ◆ Kumpulan Sekolah2 Melayu Jalan Tutong mendapat 121 mata,
- ◆ Kumpulan Sekolah2 Melayu



Wakil2 dari bahagian2 sekolah di-Daerah Brunei/Muara tatakala sa-belum memulakan pertandingan sokan untuk memilih kejohanan bagi mewakili daerah Brunei/Muara ka-perlawanan seluruh negeri.

Perkembangan Pelajaran Islam Tak Dapat Di-Sangkal

SERIA. — Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah memberitahu sa-bilangan orang2 Islam di-sini bahawa perkembangan pelajaran Islam di-kalangan anak2 tidak-lah dapat di-sangkal.

Perkembangan sa-demikian, samborg beliau, biar-lah terus dapat di-nikmati oleh kaum bapa dan juga kaum ibu.

Kemudian beliau menyeru supaya peluang menghadiri darjah2 dewasa Ugama Islam diambil oleh segala lapisan ibu bapa yang mengakui diri mereka Islam.

Pengiran Momin telah berucap tatakala melangsungkan pembukaan rasmi Darjah Dewasa Ugama di-Mesjid di-sini pada 19 Mei lepas.

sa-bagai sa-orang yang mengakui diri-nya Islam memang sudah-lah sa-mesti-nya ia benar2 mengetahui akan hal Ugama-nya sendiri. Bahkan ia hendak-lah menuntut dan mengamalkan ilmu yang di-perolehi-nya itu dan sa-terus-nya menyebarkan ajaran2 Allah itu kepada yang lain2 pula.

"Ugama Islam ada-lah Ugama rasmi negeri ini. Dari itu kita umat Islam hendak-lah berasa shukor dan berterima kasih, dan sa-tiap orang Islam sudah tentulah akan bangga untuk menghormati-nya dengan usaha2 demi

perkembangan dan penyebaran ajaran2 Ugama Islam," Pegawai Daerah itu meneruskan.



Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, kelihatan dalam gambar ini ketika memberi ucapan di-majlis pembukaan rasmi Darjah Dewasa Ugama di-Mesjid Seria baharu2 ini.

DAFTARKAN-LAH NAMA UTK. TUNAikan HAJI

Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei mema'alumkan kepada seluruh ra'ayat yang beragama Islam di-negeri ini yang berniat akan menunaikan fardhu Haji tahun hadapan supaya mendaftarkan nama ka-pejabat tersebut tidak lewat dari 30 September, 1963.

Ini ada-lah akan menyenangkan pihak pengurus bakal2 jama'ah Haji di-Persekutuan Tanah Melayu untuk menganggar berapa banyak bakal2 Haji dari negeri ini tahun hadapan.

Ini juga akan menyenangkan mengatord jadual2 pelayaran kapal untuk membawa bakal2 Haji kadan dari Jeddah.

Borang2 permohonan untuk bakal2 Haji boleh di-dapati sama ada dari Pejabat2 Ugama di-Bandar Brunei, Kuala Belait dan Tutong atau di-Pejabat Kadhi, Bandar Brunei.

Borang2 itu nanti hendak-lah di-isi menurut peratoran2 saperti di-bawah:

◆ di-isikan dengan tanda2 yang di-kehendaki dalam borang itu.

◆ borang2 itu hendak-lah disertakan dengan dua keping gambar paspot. Sa-keping di-lekatkan di-atas sa-belah kiri borang itu.

◆ borang itu juga hendak-lah bersama2 dengan surat akuan sehatdari tabib yang bertaualiah yang mengatakan pemohon itu boleh menunaikan fardhu Haji.

Borang untuk pereksa doktor juga boleh di-dapati di-pejabat2 yang tersebut di-atas.

Untuk pegawai2 atau kakitangan kerajaan yang berniat akan menunaikan fardhu Haji bolehlah berurus dengan Setia Usaha Kerajaan mulai sekarang.

Terdahulu dari itu Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Belait Inche Abdul Rahman dan Penyusun Sekolah2 Ugama Negeri Brunei Tuan Haji Abdul Kadir telah juga memberi ucapan2 yang berupa nasehat dan pimpinan.

Upacara pembukaan itu telah di-hadiri oleh ramai para jemputan dan jemputan2 khas dari Bandar Brunei.

DERMA-LAH MANGSA BANJIR

BANDAR BRUNEI. — Palang Merah Brunei telah menderma \$300 kapada tabong benchana banjir.

Takala memberitahukan, penyalman wang Jawatankuasa Derma Banjir Inche R.D. Ross berkata, jumlah wang derma banjir yang telah di-terima dari pada dermawam sekarang ia-lah \$26,671.64.

Beliau menambakkata bahawa bantuan yang berupa wang dan pakaian ada-lah lagi di-kehendaki untuk mangsa2 banjir bulan Januari itu.

BASIKAL2 "BEBAS"

BANDAR BRUNEI. — Semua basikal2 di-Brunei tidak lagi di-kehendaki di-daftarkan dan di-beri lesen mulai 1 Januari tahun ini.

Sa-siapa yang telah pun mendaftar dan mengambilkan lesen basikal mereka untuk tahun ini boleh-lah datang ka-Pejabat Keinderaan Darat di-Bandar Brunei dan Kuala Belait untuk mengambil sa-mula wang bayaran lesen mereka.

Untuk menyenangkan urusan bawa-lah lesen plit bagi 1963 bersama2 ka-pejabat tersebut.

5,000 TELAH DI-SUNTIK

Hampir 5,000 orang telah di-beri suntikan menentang taun semenjak satu gerakan menyuntik sechara besar2an di-lancarkan dalam negeri ini dalam bulan lalu berikutan dengan berlaku-nya wabak penyakit tersebut di-Malaya dan Singapura.

Gerakan menyuntik itu ada-lah bertujuan sa-bagai langkah berjaga2 kerana pengembara2 dari Singapura dan Malaya ada-lah di-benarkan masuk ka-Brunei.

Sa-orang juruchakap pertadbiran kesehatan Brunei telah menyatakan bahawa kerja2 menyuntik telah di-jalankan di-pusat2 menyuntik di-rumah sakit besar Brunei, rumah sakit Bangar, dan rumah sakit daerah Kuala Belait.

Juruchakap itu menyatakan lagi bahawa gerakan ini ia-lah yang ketiga semenjak tahun 1961, takala mana 75,000 orang telah di-suntek menentang penyakit tersebut, berikutan dengan satu berita bahawa wabak taun sedang berlaku di-Sarawak.

Dalam bulan November, tahun lalu, 34,000 orang telah di-suntek apabila Sarawak di-ishtiharkan sa-bagai satu kawasan berjangkit penyakit taun.

KURNIAAN GELARAN

SURAU DIRAJA, BRUNEI. — Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah mengenugerahi nama kapada Awang Musa bin Awang Hitam sa-bagai Pehin Orang Kaya Indera Dewa.


Isti'adat bergelar telah di-langsungkan di-sini, tidak jauh dari Istana Darul-Hana, pada 30 Mei lepas.

Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Cheteria2 dan pe-

gawai2 tinggi kerajaan dan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di-Brunei Inche A.M. Mackintosh telah hadir dalam isti'adat bergelar itu.

Pehin Orang Kaya Indera Dewa ia-lah sa-orang pegawai polis berpangkat sergeant, dan berkhidmat dalam bahagian Polis Khas.

Beliau mula berkhidmat dalam jawatan itu sejak belum meletusnya peperangan di-Lautan Tedoh.



Yang Di-muliakan Pehin Orang Kaya Indra Dewa Awang Musa kelihatan mengangkat sembah kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sa-jurus sa-belum Chiri di-bachakan di-Surau Diraja pada 30 Mei lepas.

10 ORANG PENGAKAP2 AKAN WAKILI KA-GREECE

DARJAH
DEWASA
UGAMA

BANDAR BRUNEI.—Sa-ramai lapan orang pengakap Brunei termasuk dua orang antara-nya guru pengakap di-jangka akan mewakili Brunei ka-perhimpunan pengakap2 sa-dunia di-Greece.

Mereka akan berlepas dari Brunei dalam bulan Julai dan Ogos hadapan.

Tiga orang pengakap dari Daerah Brunei telah pun di-pilih untuk menyertai rombongan perwakilan itu dan sa-orang guru pengakap akan di-pilih nanti.

Ketiga2 pengakap itu ia-lah Mohammad Yassin bin Awang Said dari Pasokan Pengakap Brunei Pertama, Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam (SMJA), Lim Peng Kiat dan Hussain bin Haji Sulaiman dari Pasokan Pengakap Brunei Kedua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (SOAS).

Mereka ini ada-lah antara 10 pengakap2 yang telah lulus sa-lepas menjalani peperiksaan khas, dan di-temu duga oleh Pengerusi Persatuan Pengakap2 Brunei, Pengiran Dato Setia Hj. Mohammad Yusuf, Pesuruh Jaya Pengakap2 Negara, Inche P.A. Coates dan Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Inche Ali Khan.

Tiga orang lagi pengakap dan sa-orang guru pengakap dari Daerah Belait, nanti akan di-jalankan pemilihan-nya, juga akan menghadiri kumpulan pengakap2 itu.

Pemilihan pengakap2 di-jadualkan di-adakan minggu lepas. Nama2 yang berjaya satakat ini belum dapat di-ketahui.

KA-BANGKOK BERSEMINAR

KUALA BELAIT. — Inche Roslee Teo Kim Yau, Penguasa Kastam di-sini telah berlepas dari Lapangan Terbang Brunei di-Berakas ka-Bangkok Thailand pada 23 Mei lepas.

Inche Roslee ada-lah wakil Brunei untuk mengambil bahagian dalam seminar berkenaan dengan pertadbiran kastam.

Seminar itu ada-lah di-anjarkan bersama oleh surohanjaya ekonomi bangsa2 bersatu bagi Asia dan timor jauh (ECAFE) dan Jabatan Gerakan Bantuan Teknikal (BTAC),

Seminar yang bertempat di-Bangkok itu telah pun mulai di-adakan pada 28 Mei dan sa-lesai pada 2 Julai 1963.

Inche Roslee telah menjalani latihan kawalan perayeran dan pendaratan di-England, dan telah mulai berkhidmat dengan kerajaan di-Jabatan Kastam dalam tahun 1950.

JAMUAN PUJA USIA QUEEN

SERIA. — Persatuan Bekas Angkatan Bersenjata Brunei telah mengadakan jamuan makan koktil di-Shell Recreation Club di-sini kerana memyambut hari keputeraan Baginda Queen, pada 1 Jun lepas.

Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Tuan A.M. Mackintosh telah turut hadir dalam jamuan tersebut.



Pemandangan sa-waktu pemubukaan rasmi darjah Dewasa Ugam Islam julong2 kali di-adakan di-Kampung Ayer, Bandar Brunei, baharu2 ini. Darjah tersebut telah di-adakan di-Sekolah Melayu Lela Manchanai, di-Kampung Ayer yang bertentangan dengan tambatan kastam.

D.Y.M.M. SERU KERJASAMA RA'AYAT

(DARI MUKA 1)

Dengan kejayaan ini maka masa-nya telah tiba bagi negeri kita, mengator sa-mula langkah menuju ka-arrah keamanan dan kema'moran.

Anasir2 yang telah merosakan masharakat kita di-masa yang lampau dengan izin Allah telah sempurna di-hapuskan dan sekarang tidak ada lagi sa-suatu ia-itu yang menghalang kita untuk mencapai chita2 yang di-idam-idamkan ia-itu kema'moran dan kema-juan di-masa hadapan.

Tetapi untuk mencapai chita2 ini ada-lah bergantung kepada kegiatan diri kita sendiri. Kita tidak akan dapat menikmati chita2 ini jika kita hanya berpelok tuboh.

Ketewasan saki baki penderhaka itu merupakan satu chabaran dan peluang bagi kita sakanian untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh agar tercapai hasrat dan chita2 kita itu kerana jika sekalian ra'ayat memainkan peranan mereka, Insha' Allah, kita akan mencapai kehasilan yang kita idam2kan itu kelak.

Ra'ayat beta sekalian, kehendak utama yang afdzal lagi penting ia-lah negeri kita ini berkehendakan perpaduan di-kalangan ra'ayat-nya. Sa-sabuh negeri yang mempunyai ra'ayat yang mengamalkan berbelah-bagi dan menaruh shak wasangka di-antara mereka, tidak boleh maju.

Oleh itu jangan-lah kita berbelah dan bermusuh-musohan lagi seperti yang sudah2. Kita sekalian baharu sahaja melihat bagaimana-kah perbuatan yang sedemikian itu telah menyebabkan penderitaan dan tumpah darah.

Beta berdoa ka-hadzrat Allah Subhanahu Wata'ala barang di-jauhkan peristiwa itu dari menimpa negeri kita ini lagi.

Sekarang oleh kerana penderhakaan itu telah di-hapuskan maka dapat-lah kita berlebe2 lagi menumpahkan hasrat dan kekayaan kita untuk kemajuan Negara. Ini ada-lah satu tugas yang mustahak dan besar yang mana akan mendatangkan kemih-wahan hasil yang lumayan kepada kita semua. Kita akan berjaya menjalankan tugas itu jika tiap2 lapisan ra'ayat dengan sukarela mereka memberi perkhidmatan serta kerjasama dengan bersungguh-sungguh.

Sebagaimana yang beta telah katakan dahulu, hasrat beta ia-lah supaya Negeri Brunei turut bersama dengan jiran tetangga kita di-Sarawak dan di-Sabah serta saudara2 kita di-Malaya dan di-Singapura di-dalam Persekutuan Malaysia.

Beta dapat meyakinkan bahawa harapan bagi untong nasib kita di-masa hadapan sa-semolek2-nya dengan jalan ini. Oleh kerana pada masa ini kita telah dapat

melaksanakan pada menghapuskan kachau bilau dalam negeri ini, yang demikian dapat-lah kita mendapat tempat yang istimewa di-dalam bentok negara persaudaraan yang berpadu.

Akhir-nya, wahai ra'ayat seke-lian yang di-kaschi, beta mengu-chapkan terima kaseh atas segala bantuan yang telah tuan2 berikan sa-bagai ra'ayat dan penduduk Brunei yang ta'at setia dalam menjalankan tugas yang amat penting bagi mempulehkan negeri kita daripada kefasakan yang telah di-lakukan yang su-oleh kerana kejayaan ini lah dapat di-chapai maka marilah kita semua bersatu padu pada menghadapi untong nasib di-sama hadapan dan membina untuk diri kita dan anak2 kita dalam sabuah negara sentiasa aman, bahagia dan ma'mur. Muga2 Allah Subhanahu Wata'ala akan merahmati segala daya tugas kita sekalian.

WAKTU SEMBAHYANG, AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi daerah2 Brunei, Muara, Tutong dan Temburong dari 5 Jun hingga 19 June dan bagi daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu:

H.B.	Amsak	Suboh	Dzuhur	'Asar	Maghrib	'Isha
5	4.32	4.48	12.23	3.44	6.35	7.48
6	4.32	4.48	12.23	3.44	6.35	7.48
7	4.32	4.48	12.23	3.44	6.35	7.48
8	4.32	4.48	12.23	3.44	6.36	7.49
9	4.32	4.48	12.23	3.44	6.36	7.49
10	4.33	4.49	12.24	3.45	6.36	7.49
11	4.33	4.49	12.24	3.45	6.36	7.49
12	4.33	4.49	12.24	3.45	6.36	7.49
13	4.33	4.49	12.24	3.45	6.37	7.50
14	4.33	4.49	12.24	3.45	6.37	7.50
15	4.33	4.49	12.24	3.45	6.37	7.50
16	4.34	4.50	12.25	3.46	6.38	7.51
17	4.34	4.50	12.25	3.46	6.38	7.51
18	4.34	4.50	12.25	3.46	6.38	7.51
19	4.34	4.50	12.25	3.46	6.38	7.51

PERADUAN BINTANG RADIO DAERAH BELAIT

PEKAN SERIA. — Dewan Maktab Anthony Abell di-sini telah penuh padat oleh lelaki dan perempuan, kecil dan besar, tua dan muda, apakala upacara pemilihan pada malam 26 Mei lepas.

Sudah dari sejak jam enam petang itu orang ramai berduyun2 dengan pakaian serba 'chikar' dan aneka ragam membanjiri dewan tersebut dan mengisikan ber-

uchapan pembukaan oleh Pegawai Radio dan Penerangan Daerah Belait Pengiran Mohammad pada jam 8.00 dan berakhir dengan penyampaian hadiah oleh Puan Azizah, isteri Penolong Pegawai Daerah, Setia, kira2 jam 10.30.

Dalam ucapan-nya Pengiran Mohammad berkata bahwa maksud dan tujuan mengadakan bintang radio itu ialah untuk mempertinggi taraf seni dan kebudayaan terutama dalam lapangan nyanyi.

Beliau sa-terus-nya menerangkan dengan mengadakan upacara tersebut dapat-lah kira-nya bakat2 yang terpendam di-selenggarakan dan dengan itu juga memberi galakan kepada bakat2 yang baharu.

Sa-pajang pertandingan itu berjalan sambutan hangat dari sidang penuntun sentiasa terdapat apakala mereka memberi tepokan yang bergema kepada peserta yang telah mengalunkan suara dengan nyanyain2 merdu pilihan mereka itu.

Tiap2 peserta lelaki dan perempuan telah keluar menurut gileran dan masing2 dengan gaya yang tersendiri sambil mengalunkan suara yang lemak merdu. Kesemua peserta telah menunjukan bakat masing2 dengan jayanya.

Pada akhir pertandingan itu di-dapati bahawa ada dua orang peserta wanita telah mendapat markah yang sama. Untuk me-

entukan tempat kedua dan ketiga kedua2 mereka itu terpaksa keluar lagi bereanding.

Keputusan sa-penoh-nya adalah seperti berikut :

Ali Haji Paun dari Setia, naib johan, Adnan Pawi dari Kuala Belait dan yang ke-tiga Jalil Haji Paun, dari Setia.

Johan bahagian wanita pula telah di-menangi oleh Julia Chee; naib johan, P.I. Sunah dan yang ke-tiga Norleha Md. Noor. Ketiga2 dari Setia.

Ali Paun pernah menyandang gelaran johan bintang Radio Brunei tahun 1960 sementara, Julia Chee ada-lah penyanyi yang terbaru sa-kali di-Daerah Belait.



Puan Aminah Timbang, johan bahagian wanita dalam peraduan Bintang Radio Daerah Temburong tahun 1963.

DI-TEMBURONG

Pertandingan merebut gelaran johan dan naib johan bagi Daerah Temburong pula telah di-langsungkan pada 20 Mei di-Padang Pekan Bangar.

Dalam pertandingan tersebut, gelaran johan bahagian lelaki telah di-menangi oleh Mohamed Din; naib johan, Mohd. Yusuf Ampuan Judah dan yang ke-tiga, Md. Nazir bin Bungso.

Johan bahagian wanita pula telah di-menangi oleh Aminah Timbang; naib johan Normah binte Mohd. Yusuf dan yang ketiga Damit binte Timbang.

Pegawai Perlautan Balek Ka-England

BANDAR BRUNEI.— Pegawai Perlautan Brunei, Captain E.H. Muton, telah bertolak dari Brunei ka-Singapura dalam perjalanan-nya ka-United Kingdom pada 20 Mei lepas, sa-sudah tamat perkhidmatan-nya di-negeri ini.

Beliau telah di-temani oleh isteri-nya.

Bintang Radio Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Keputusan Pertandingan Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara yang telah di-langsungkan di-Padang Besar di-sini pada malam 1 Jun yang lalu ada-lah seperti berikut.

Bahagian Lelaki :

1. M. Noordin, 2. A.T. Ahmadi dan 3. H.B. Adnani.

Bahagian Wanita :

1. Dayangku Safiah binti Pengiran Suhaili, 2. Dayangku Rosnah binti Pengiran Manai dan 3. Rokiah binti Ismail.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Inche Sunny bin Ahmat telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut.

Peserta2 tersebut akan mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam Pertandingan Akhir Bintang Radio Seluruh Negeri Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada malam 7 Jun hadapan.

DARJAH DEWASA UGAMA ISLAM

Ingin hendak memasuki darjah dewasa U gama ?

Penduduk2 yang beragama Islam di-Kuala Belait sekarang berpeluang untuk mengikuti darjah dewasa ugama Islam yang di-adakan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Sa-siapa yang ingin menyertai darjah tersebut boleh-lah berhubung dengan orang2 di-bawah ini :

- ◆ Pengiran Othman bin Pengiran Damit di-Pejabat Water Transport, atau
- ◆ Pengiran Mohd. Said bin Pengiran Ahmad di-Pejabat Kerajaan, atau
- ◆ Tuan Imam Mesjid Kuala Belait.

Derma Pengakap

SERIA.— Satu upacara tarian akan di-adakan di-Recreation Club, Setia pada malam 15 Jun ini. Ini ada-lah di-anjarkan oleh pengakap2 di-sini dan Kuala Belait-untuk mengutip derma bagi membelanjai pengakap2 yang akan mewakili Brunei ka-Greece tahun ini.



Puan Julia Chee yang telah berjaya menjadi johan bahagian wanita dalam peraduan Bintang Radio Daerah Belait, tahun 1963.

atus2 kerusi yang telah disediakan untuk penuntun2 peminat seni.

Yang agak terakhir sa-dikit terpaksa-lah berkerumun menyusun diri berdiri di-sebelah belakng hingga ka-akhir upacara pada malam itu.

Upacara di-mulakan dengan



Inche Ali Haji Paun yang telah berjaya menjadi johan bahagian lelaki dalam peraduan Bintang Radio Daerah Belait tahun 1963.

SINGAPURA, MELAKA KAWASAN BERJANGKIT

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato Setia Marsal bin Maun telah mengisytiharkan bahawa Singapura dan Melaka adalah kedua2-nya sabagai kawasan2 berjangkit di-sebabkan penyakit taun, mulai 20 Mei lepas.

Juruchakap Pejabat Kesehatan Brunei berkata minggu ini, berikutan dengan merebak-nya wabak penyakit taun di-Malaya dan Singapura, pejabat itu telah mengambil langkah berjaga2 untuk mencegah penyakit itu merebak ka-Brunei.

Pejabat itu menghendaki siapa juga dari Malaya dan

Singapura yang akan masuk ka-Brunei mesti-lah mempunyai sijil suntik, atau ia-nya akan 'di-pulaukan' sa-lama lima hari dari ia meninggalkan tempat2 tersebut.

Juruchakap itu juga berkata bahawa pejabat tersebut boleh jadi akan mengharamkan kemasokan barang2 makanan yang di-shaki membawa koman2 penyakit taun.

Sementara itu orang ramai di-negeri ini ada-lah di-nasehatkan supaya bersuntek bagi menjauhkan penyakit tersebut.

Tempat2 untuk membuat suntikan itu-ada-lah di-sediakan di-Rumah Sakit Besar Brunei, Rumah Sakit Bangar, Rumah Sakit Tutong, Sungai Liang dan Seria, di-Rumah Sakit Kuala Belait dan di-tempat perubatan di-Labi.

Tidak ada kemalangan penyakit taun di-Brunei. Langkah menyuntik ini ada-lah dengan tujuan berjaga2 bagi mencegah kcnian penyakit taun sementara pendatang2 dari Singapura dan Malaya di-benarkan masuk ka-Brunei.

DARJAH UTK PEREMPUAN

SERIA. — Darjah Dewasa Ugama Islam untuk perempuan telah pun mulai di-adakan bertempat di-Mesjid Seria pada tiap2 petang Juma'at dan Sabtu.

Kira2 80 orang kaum ibu ada-lah di-fahamkan menghadhiri darjah tersebut.

Sementara itu sa-buah lagi Darjah Dewasa Ugama di-kampung Tumpuan Telisai telah dibuka dengan rasmi-nya pada 31 Mei lepas.

Pembukaan telah di-lakukan oleh Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Belait Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Antara ramai hadirin dalam upacara pembukaan itu termasuklah Kadhi Daerah Tutong Yang di-Muliakan Bagawan Pehin Khatib Haji Metali.

Tertarek Hati

• **BERAKAS.** — Sa-orang pegawai dari American Consulate General di-Singapura telah berlepas dari Lapangan Terbang Brunei di-sini menuju ka-Sibu untuk lawatan pendek di-Sarawak.

Beliau ia-lah Inche T.T. Shima dan telah melawat ka-negeri ini sa-lama beberapa hari sa-telah berada di-Jesselton dalam lawatan-nya singkat di-Sabah.

Beliau tertarek hati akan perkembangan yang chepat di-wilayah2 Borneo terutama di-Jesselton dan Tawau. Ia mula2 melawat ka-Borneo awal tahun lepas.

Di-lapangan terbang beliau berkata bahawa tujuan lawatan-nya ka-negeri ini ada-lah untuk menolong ra'ayat Amerika di-sini dalam mana2 jalan yang boleh.

MELIHAT2 DI-BANDAR



Baharu2 ini Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menerima tetamu dari Ulu Belait ia-itu empat orang Puak Punan. Sa-masa di-Kuala Belait mereka telah di-bawa oleh Pengiran Momin melihat2 tempat yang berfaedah dan melawat ka-pejabat2 kerajaan. Di-rumah beliau tetamu khas itu telah di-raikan dengan jamuan ringan dan

tari2an rengkas dan informal. Tetamu itu juga telah menunjukkan beberapa buah tarian asli Punan dan mendengarkan nyanyi2an kebudayaan mereka.

Gambar di-atas ia-lah tetamu khas itu bergambar bersama2 dengan pegawai daerah (kanan sekali) dan dua orang pegawai kerajaan lain-nya (kiri dan nombor dua dari kiri).

BANYAK TANAH SUBOR

PEKAN TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong Inche Ali bin Awang Besar, minggu lepas, telah memberitahu peladang2 supaya membuka tanah yang di-sepanjang jalan kecil yang baharu dibuka itu untuk ladang2 padi.

Jalan yang telah siap di-bena itu ada-lah di-bawah projek

perkembangan luar bandar bagi daerah itu.

Inche Ali memberitahu mereka tentang kerugian chara2 mereka menanam padi dari tempat katempat lain kerana chara itu ada-lah tidak mendatangkan faedah.

Dengan membuka sawah di-sepanjang jalan itu, kata beliau, peladang2 akan dapat mengatasi banyak kesulitan2 terutama dalam soal pengangkutan. Mereka juga akan berpeluang mendapatkan pertalian ayer yang sempor na, mencegah musuh2 padi dan pertolongan serta nasehat dari pegawai2 Pejabat Pertanian.

Pegawai Daerah itu menjelaskan ada banyak lagi tanah yang subur di-sepanjang jalan yang sudah siap dan yang maseh belum siap itu. Beliau menasehatkan supaya mengambil tanah tersebut dan dengan itu nanti mereka akan dapat meninggikan ekonomi dan taraf hidup mereka.

Menerangkan tentang projek2 di-bawah rancangan perkembangan itu, Inche Ali berkata, lapan buah jambatan-enam di-sepanjang jalan Kampong Batang Mitus dan dua di-jalan Bukit Udal telah juga siap di-bena.

PASAR GEMBIRA

KUALA BELAIT. — Pengakap2 Seria dan Kuala Belait akan mengadakan pasar gembira selama tiga hari mulai 6 Julai, bertempat di-Stadium Seria.

Pengakap2 itu akan menghantar wakil2 Brunei ka-Perkhemahan pengakap2 di-Greece tahun ini.

PEGAWAI RADIO BRUNEI DI-U.K.



Dua orang penuntut Brunei di-United Kingdom kelihatan mengorak senyuman manis bersama2 dengan penuntut2 lain-nya tat-kala berhujung minggu di-kampung Hambleden, Buckinghamshire.

Mereka ada-lah penuntut2 sekarang ini sedang menjalani latihan di-BBC, London. Kedua penuntut2 Brunei ia-lah Dayangku Mariam binte Pengiran Metali (nombor dua dari kiri) dan Dayangku Intan binte Pengiran Apong (nombor dua dari kanan).

PERSATUAN P. T. M. B. LAHIR DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pihak Pendaftar Persatuan2 Negeri Brunei telah meluluskan pendaftaran Persatuan Trengkas Melayu Brunei rengkas-nya "PTMB" pada pertengahan bulan Mach yang lalu.

Persatuan tersebut ada-lah persatuan trengkas yang tunggal dan telah di-tubuhkan dalam beberapa bulan yang lalu oleh penuntut2 dan guru2 trengkas di-negeri ini.

Penaong persatuan itu ia-lah Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Md. Yusuf.

Dalam undang2 persatuan itu antara lain menchatetkan :

- ◆ Memperbaiki nasib dan mempersatukan tenaga juru2 trengkas,
- ◆ Memperbaiki dan memperluas ilmu pelajaran anggota2 dan ahli2 Persatuan Trengkas serta penuntut2 lain untuk bekerjasama dengan Pejabat Pelajaran; dan
- ◆ Menggalakkan ahli2 persatuan

78 TAHANAN DI-BEBASKAN

BUNUT.— Lagi sa-ramai 78 orang tahanan dari Khemah Tahanan di-Berakas sekarang ini telah tamat satu kesusu pemulehan di-Pusat Latehan di-sini dan di-jadualkan di-bebaskan awal minggu ini.

Terdahulu dari itu sa-ramai 73 orang yang telah menjalani kesusu pemulehan sa-lama enam hari telah pun di-bebaskan minggu lepas.

Dua orang antara-nya ia-lah bekas Naib President dan bekas Bendahari Party Ra'ayat yang di-haramkan itu. Mereka ia-lah yang Hapidz bin Laksamana dan Awang Tengah bin Awg. Hasip.

Dengan angka2 orang2 tahanan itu sa-ramai 321 orang2 tahanan dari Khemah Tahanan Berakas telah pun di-pindahkan ka-pusat pemulehan di-Bunut sejak kesusu itu mula di-adakan lebeh sabulan dahulu.

Sa-masa di-Pusat Pemulehan, tahanan2 itu menerima sharahan2 yang mengandongi tentang kemesharakatan, pengajaran Umma, kechitekan menganut faham Komunis dan berbagai2 lagi.

PERMAINAN SERUNAI

LABI.— Pasokan Pencharagam Tentera dan serunai dan tambor, pasokan yang pertama Queen Own Highlanders telah menjunjukkan permainan pancharagam-nya di-padang Sekolah Melayu Labi pada 30 Mei lepas.

Labi ia-lah sa-buah kampung di-pendalaman Sungai Belait yang mempunyai kira2 2,000 orang penduduk dari bangsa2 Melayu, Iban, China dan Belait.

Pada waktu banjir dalam bulan Januari tahun ini tempat ini-lah yang menerima benchana ayer bah yang hebat di-Brunei.

bergerak dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Menurut Setiausaha persatuan itu, Inche Tahir bin Metassan sa-kira-nya persatuan trengkas ini berjalan dengan kejayaan, maka ada kemungkinan pihak persatuan-nya akan mengadakan "Seminar Penuntut2 Trengkas dan Peraduan Seni Greek.

"Tujuan seminar dan peraduan itu di-adakan nanti ada-lah untuk memberi galakan kepada penuntut2 dan yang akan menuntut pelajaran trengkas di-samping membentangkan kesan dan faedah pelajaran trengkas pada hari ini dan pada masa yang akan datang," tegas beliau.

MULA DI-ADAKAN

Pelajaran trengkas Melayu mula di-adakan di-negeri ini pada tahun 1958 tetapi terhenti dalam tahun itu juga di-sebabkan sesuatu perkara yang tidak dapat di-elakkan.

Tetapi pelajaran trengkas di-negeri ini hidup sa-mula dalam tahun 1960 sa-hingga ka-hari ini.

Guru2 trengkas yang di-tugaskan mengajar di-darjah2 trengkas sekarang ini ada-lah penuntut2 Brunei yang telah mendapat kelulusan dari Trengkas Melayu Institute, Singapura atau biasiswa Kerajaan Brunei.

Pada masa ini lebeh dari 100 orang pemuda-pemudi di-negeri ini telah mencheborkan diri untuk menuntut pelajaran trengkas di-darjah2 yang di-sediakan oleh Kerajaan.

Pegawai2 yang telah di-lantek dalam persatuan tersebut ada-lah saperti berikut :

JAWATANKUASA

Pengerusi, Md. Saim bin Abu; Penolong Pengerusi, Ak. Tuah bin Pengiran Haji Minuddin; Setiausaha, Md. Tahir bin Metassan; Penolong Setiausaha, Ibrahim bin Abd. Ghani; Bendahari, Abdullah bin Metassan; Pemereksa Kira2, Basir bin Md. Salleh; dan Penolong Pemereksa Kira2, Serudin bin Tarif.

Jawatankuasa kechil ada-lah terdiri dari empat orang ia-itu Abu Naim bin Md. Said, Puan Maszaitun binte Johan, Puan Rokiah binte Awang Besar dan Puan Yukmas binte Mohammad.

Kapada pemuda pemudi yang ingin memasoki persatuan trengkas tersebut hendak-lah mengalamatkan surat permohonan mereka kepada Setiausaha, Persatuan Trengkas Melayu Brunei, di-Jabatan Majlis2 Mashuarat, Bandar Brunei.

KERJA2 KOSONG

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Pemereksa Kenderaan (Vehicle Inspector) di- Pejabat Kenderaan Darat, Brunei. Pegawai2 tempatan yang sedang berkhidmat dan yang menjadi ra'ayat Sultan atau yang berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan yang suka permohonan jawatan ini hendak-lah menghantarkan permohonan2 mereka melalui Ketua Pejabat masing2.

Tingkatan gaji ia-lah dalam sukatan gaji \$570 x 30-\$750.

KELAYAKAN2 :

Pemohon2 mesti-lah lulus Form II atau yang bersamaan di-Sekolah Inggris dan darjah V di-Sekolah Melayu.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Trade School B.S.P. Co. Ltd. dalam Bahagian Mechanical Engineering atau bersamaan.

Atau pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat di-sabua Pejabat Engineering sabagai Foreman Mechanic sekurang2-nya sa-lama lima tahun atau mesti mempunyai kebolehan yang memuaskan atas kerja2 pentadbiran dan technical bagi sa-orang Pemereksa Kenderaan.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai kebolehan yang memuaskan atas kerja2 pentadbiran dan technical bagi sa-orang Pemereksa Kenderaan.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen2 pemandu untuk memandu kenderaan2 klas 1 dan 4. TUGAS2 :

Memereksa kenderaan2 (yang senang dan yang susah) dan hendak-lah menyediakan penyata2 kerosakan.

Memereksa dan menyediakan penyata2 berkenaan dengan kenderaan2 yang terbabit dalam kemalangan.

Menguji pemohon2 bagi mendapat lisen2 pemandu.

Di-kehendaki menolong kerja2 di-Pejabat.

Borang2 permohonan boleh didapati dari Pegawai Perjawatan Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan dengan penoh di-lengkapkan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 6 Jun, 1963.

JAWATAN MENJADI AMAH

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Amah Rumah Sakit di-Jabatan Perubatan, Brunei. Gaji ia-lah dalam sukatan \$152x3-158-160-180x4-212.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 seperti berikut akan di-timbangkan :—

(a) Pemohon2 mesti-lah telah menchapai umur 18 tahun tetapi tidak lebeh daripada 25 tahun.

(b) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.

(c) Mesti-lah sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu Pasar.

PELUKIS

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia untuk memenohi jawatan Penolong Pelukis di-Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.

KELAYAKAN2 :

Pehohon2 mesti-lah sa-orang Melayu, yang lulus dan darjah lapan Sekolah Melayu.

Pehohon2 hendak-lah mahir dalam ilmu lukis-melukis, melukis lukisan perdagangan dan pernah mengikuti kursus pelajaran melukis sa-tidak2-nya salama enam bulan.

Tingkatan gaji ia-lah \$211-220 x 10-260-280-290-310-330.

Permohonan2, yang mana hendak-lah di-isikan dalam borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, tidak lewat dari 10 Jun, 1963.

PENJAGA SETOR

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Imigresen, Brunei.

Gaji ialah dalam tingkatan E.1-2-3 \$183x7-211-220 x 10-260-280-290-300.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman seperti berikut boleh di-timbangkan :—

(a) Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat2 Sultan Brunei atau pun berhak untuk menjadi ra'ayat2 Sultan.

(b) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah V Sekolah Melayu dan Form I Sekolah Inggris atau yang bersamaan.

(c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya 2 tahun dalam hal setor.

Permohonan2 daripada Pegawai Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh didapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 17 Jun, 1963.

TUGAS2 :

(a) Chalon2 yang di-pileh akan di-tempatkan di-Rumah2 Sakit Kerajaan, dispensary2, klinik2 kesehatan dan asrama2 jururawat.

(b) Pemohon2 mesti-lah berseedia menjalankan tugas sama ada di-sebelah siang atau pun malam di-sebarang Daerah dalam Negeri Brunei.

Amah2 ada-lah berhak mendapat pakaian seragam perkhuma.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 11 Jun, 1963.

TENGKU BERUNDING DENGAN SOEKARNO DI-TOKYO

UJIAN NUKLEAR

WASHINGTON. — Amerika Sharikat telah menjalankan satu lagi ujian alat neuklear-nya di-bawah tanah, di-tempat ujian-nya di-Nevada. Demikian menurut pengumuman yang di-terbitkan oleh Sunrohanjaya Tenaga Atom Amerika di-Washington.

Ujian tersebut, di-katakan mempunyai kekuatan yang bersamaan di-antara 20,000 dan satu mega ton ubat letupan TNT.

Pada 13 Mei yang lalu, Su-rohanjaya Tenaga Atom Amerika mengumumkan, bahawa ia-nya telah membatalkan ranchangan2 hendak meletupkan dua alat neuklear yang kecil kekuatannya, di-Nevada dalam bulan lepas.

Sa-orang juruchakap Su-rohanjaya itu berkata, pergumuman mengenai pembatalan ujian yang pertama itu, sama sekali tidak ada kaitan-nya dengan letupan yang telah di-jalankan baharu2 ini. Tetapi dia tidak memberi keterangan selanjut-nya.

Ujian Amerika yang terakhir ini membayangkan ketetapan Amerika untuk meneruskan lagi usaha-nya ia-itu betapa penting di-adakan ujian di-bawah tanah, tanpa mengeluarkan debu radio active. Sementara itu Amerika juga di-katakan telah menekan Soviet Union supaya sama2 menyetujui bagi di-terima satu perjanjian pengharaman alat neuklear.

Sementara iitu di-London, Timbalan Perdana Menteri British Tuan Butler memberitahu dewan Parlimen bahawa Britain chuba setapak ke-hadapan untuk menchapai perjanjian pengharaman ujian neuklear.

Angin Puting Beliong Di-Chittagong

PAKISTAN. — Lebih daripada 500 orang di-anggarkan telah mati, dalam angin ribut Cyclone, atau puting beliong yang kenchang selama 15 jam, yang memusnahkan kawasan Chittagong, di-Telok Benggala. Demikian, di-umumkan oleh Perhimpunan Kebangsaan Pakistan.

Menteri Perhubungan Tuan Sabuh Khan berkata, bahawa bandar Chittagong, telah tenggelam sedalam lima kaki ayer. Sementara itu, Presiden Ayub Khan, telah mengumumkan bantuan, yang berjumlah satu juta rupee, lebih kurang 75,000 paund sterling.

Gabnor Pakistan Timur, Tuan Abdul Monem Khan, memberitahu para pemberita di-Decca, setelah beliau mengadakan lawatan selama tiga jam ke-Chittagong,

TOKYO. — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tengku Abdul Rahman, dan President Soekarno dari Indonesia, telah memulakan rundingan-nya, lebih kurang pada pukul 9.00 pagi 31 Mei waktu Borneo, yang tujuan-nya bagi memulihkan kembali hubungan baik di-antara kedua2 negara itu, dan memelihara perdamaian sechra muhibbah di-Asia Tenggara.

Kedua2 orang pemimpin itu, di-katakan telah mengadakan pertemuan-nya, di-tempat kediaman rasmi Menteri Luar Jepun, Tuan Mayayoshi Ohira.

Dalam satu kenyataan, yang di-terbitkan pada malam 30 Mei, Tengku Abdul Rahman telah menyatakan kayakinan, bahawa rundingan-nya dengan pemimpin Indonesia akan membuka jalan ke-araf pengertian yang sama, dan akan mendatangkan perdamaian, di-antara Indonesia dan Persekutuan Tanah Melayu.

Kenyataan itu berkata, bahawa President Soekarno sendiri nampak-nya berhajat hendak memulihkan kembali hubungan baik seperti sedia kala, dengan Tanah

Melayu.

Dalam rundingan itu, Tengku telah di-bantu oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Luar, Inche Ghazali Shafie, dan President Soekarno, di-temani oleh Menteri Luar-nya Dr. Subandrio.

Semeneara itu, sa-orang juruchakap Kerajaan Tanah Melayu berkata, bahawa rundingan di-antara Tengku Perdana Menteri, dan President Soekarno itu, tidak akan menyentoh sidang Menteri2 Luar Tanah Melayu dan Indonesia yang telah di-atorkan untuk bermula pada 7 haribulan Jun ini. Dan ia-nya juga tidak akan menyentoh sidang kemunchak antara pemimpin2 negara2 tersebut.

D.Y.M.M. BAGINDA QUEEN KURNIAKAN PINGAT2

LONDON. — Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth yang ke-2, dengan rasmi-nya telah mengurniakan pingat2, kerana jasa2 yang berani dan chemerlang, kepada 27 orang pegawai tentera British, yang berkhidmat dalam gerakan2 yang di-jalankan di-wilayah2 Borneo, dalam bulan Disember, tahun lepas.

Tatekala menganugrahkan pingat2 tersebut, sa-orang pegawai menerima pingat "Bar To The Military Cross", dua orang menerima pingat "Military Cross," dan tiga orang "Military Medal."

Dua puluh orang menerima

pingat pujian, dan sa-orang menerima Pingat Pujian Baginda, kerana sikap yang berani, atau "Queen Commendation for brave conduct."

Sementara itu Baginda Queen juga dengan rasmi-nya telah mengurniakan pingat2 keberanian dan kepujian kepada tujuh pegawai2 tinggi di-Brunei.

Empat orang telah di-kurniakan pingat M.B.E. kerana keberanian.

Mereka itu ia-lah Inche Michael Mar Shiu-Ching (dari Sharikat Minyak, Brunei), Captain E.H. Mutton (bekas Pegawai Perlautan Brunei), Puan J. Scott (dahulu-nya salah sa-orang pegawai di-Pejabat Perubatan di-Brunei) dan Inche C.E.B. Parrott (Penolong Pengawal Talikom, Brunei).

Tiga orang yang telah di-kurniakan pingat pujian Baginda Queen kerana sikap yang berani ia-lah:

Inche D. St. J. Forrer (Dari Pasokan Pulis Brunei), Doktor A.C. Maclean (dari Sharikat Minyak Brunei) dan Inche S.M. Stephens (dari Sharikat Minyak Brunei).

Susunan Baru Cabinet Kenya

KENYA—Tuan Jomo Kenyatta, yang telah di-lantek menjadi Perdana Menteri Kenya, sudah pon mengumumkan susunan cabinet-nya, yang akan metadbir kerajaan di-negeri itu.

Tuan Tom Mboya, selaku Setiausaha Agong Kesatuan Kebangsaan Afrika Kenya, ringkas-nya KANU, telah di-lantek, sebagai Menteri mengenai hal ehwal Kehakiman, dan Perlembagaan.

Tuan Oginga Odinga, yang menjadi Naib President KANU, telah di-lantek menjadi Menteri Dalam Negeri, dan Tuan James Gichuru, menjadi Menteri kewangan dan peranchang ekonomi.

Tuan Jomo Kenyatta, yang menjadi President dalam Party KANU mengumumkan bahawa Party-nya, telah menguasai penuh semua kerusi dalam Dewan Senate dan Dewan Perwakilan Rakyat, berikutan kemenangan-nya dalam pemilihan raya Kenya baharu ini.

Kerajaan bahru yang di-pimpin oleh Tuan Jomo Kenyatta itu, akan memimpin Kenya menchapai taraf pemerentahan sendiri dan kemudian-nya di-susul dengan kemerdekaan.

Gerakkan Memelihara Keamanan Bangsa2

Bersatu

LONDON. — Britain, Amerika Sharikat dan Canada, dengan mendapat sokongan dari negara2 Asia-Afrika dan Amerika Latin di-beritakan telah menchapai persetujuan bahawa tanggung jawab utama mengenai pembayaran bagi Gerakan Memelihara Keamanan Bangsa2 Bersatu mesti-lah di-se-rahkan kepada lima negara anggota tetap Majlis Keselamatan.

Negara2 tersebut ia-lah Britain, Amerika Sharikat, Russia, Prancis dan China Kebangsaan.

Satu sumber yang boleh di-perchayai berkata bahawa rumusan tersebut telah di-chapai di-satu majlis perjumpaan, yang di-hadiri oleh wakil2 dari Britain, Amerika, Canada, Belanda, Sweden, Argentina, Brazil, India, Nigeria dan Pakistan.

Sumber itu berkata, ini ada-lah satu usaha yang besar dalam merumuskan satu rangka ketetapan bagi Perhimpunan Agong, yang sekarang ini menghadapi sumbangan yang belum di-jelaskan, yang berjumlah kira2 100 juta ringgit wang Amerika, bagi gerakan2 di-Congo dan Timur Tengah.